

## PERLUKAH WANITA DIDIDIK DENGAN HAK-HAK WANITA SELEPAS PERCERAIAN

Mohd Khairul Anuar Ismail [1], Raihanah Abdullah [2], Sharifah Nooraida Wan Hasan [3]

### ABSTRACT

In the early 1980s, Malaysia began to amend and enforce a specific law relating to the Islamic Family Law. This law aimed at improving Islamic Family Law administration and rearranging the provisions in a more orderly manner to guarantee better protection of the rights of Muslim women in family matters. Although the provisions are detailed and comprehensive, there still are many reported cases of Muslim women facing difficulties in claiming their rights and entitlements after divorce. Most of these difficulties stem from their lack of information, awareness and knowledge of their rights and procedures to make such claims as stipulated by law. Their awareness and knowledge of rights and entitlements after divorce is important to avoid abuse and injustice. The purpose of this article is to analyze the level of awareness on their rights after divorce among Muslim women in Kota Bharu, Kelantan. Specifically the analysis is carried out to gauge the difference in the level of women's awareness of their rights after divorce based on age, educational background, and marital status. Questionnaires were distributed to 384 Muslim women in Kota Bharu who are above 20 years old. The data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 18.0. The analysis showed that there is significant difference in women's awareness in relation to their rights after divorce based on age and educational background. However, there is no difference in women's awareness of their rights based on their marital status.

**Keywords:** *Islamic Family Law, divorce, Muslim women's rights, women's awareness*

[1] Jabatan Syariah dan Undang-Undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, Malaysia  
anuarkadok@yahoo.com

[2] Jabatan Syariah dan Undang-Undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, Malaysia  
raihanah@um.edu.my

[3] Institut Pendidikan Guru  
Kampus Batu Lintang, Kuching,  
Sarawak, Malaysia /  
Jabatan Syariah dan Undang-Undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, Malaysia  
snwh79@yahoo.com.my

## UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Pada akhir kurun ke 19 Masehi, persoalan tentang hal ehwal kekeluargaan sebagaimana yang dibincangkan oleh para Fuqaha' telah melalui satu proses pembaharuan. Apa yang paling jelas sekali, apabila aspek-aspek kekeluargaan ini telah dikodifikasikan mengikut format modern perundangan Barat. Pada ketika itu, seorang negarawan Mesir, Muhammad Qadri Pasha telah mengambil inisiatif mengkodifikasikan interpretasi Fiqh Munakahat menjadi Undang-Undang Personal (*al-Ahkam al-Shar'iyah al-Ahwal al-Shaksiyyah*). Manual perundangan ini adalah berasaskan kepada Mazhab Hanafi dan terpakai secara meluas di beberapa kawasan dalam Empayar Turki Uthmaniyyah. Walaupun aspek-aspek Fiqh Munkahat telah berwujud baru dalam bentuk pengkodifikasian namun kandungannya masih sama dengan aspek-aspek kekeluargaan sebagaimana yang dibincangkan dalam kitab-kitab Fiqh.

Bermula dari usaha yang dibuat oleh negarawan Mesir tersebut, maka beberapa Negara juga telah mengambil langkah untuk membuat pembaharuan undang-undang keluarga Islam di negara masing-masing. Dalam hal ini Professor Anderson (1971) menyebut:

*"Once the dike had been breached, the tide came in very fast indeed..."*

Akhirnya pada tahun 1920an, Mesir merupakan negara pertama yang meluluskan undang-undang yang lebih komprehensif berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian berbanding dengan undang-undang yang terdapat sebelum ini. Ini diikuti pula *Jordanian Law of Family Rights 1951*, *Syrian Law of Personal Status 1953*, *Tunisian Code of Personal Status 1957* dan juga *Moroccan Law of Personal Status 1958*.

Fokus utama pembaharuan Undang-undang pada akhir kurun ke 19 Masehi ini adalah untuk memperbaiki kedudukan wanita. Wanita telah mengalami pelbagai masalah kekeluargaan akibat daripada pihak-pihak yang gagal untuk mematuhi kewajipan kekeluargaan yang diperuntukan al-Qur'an. Dengan adanya pembaharuan ini, maka wanita mendapat peluang untuk akses kepada keadilan apabila mereka menuntut hak-hak mereka di mahkamah. Walaupun begitu setelah sekian lama Undang-undang Keluarga Islam dilaksanakan di kebanyakan negara-negara Islam termasuk Malaysia, wanita masih menghadapi masalah untuk mendapatkan keadilan dan hak-hak sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Qur'an. Wanita didapati kurang mendapat faedah dan pembelaan yang sewajarnya.

Malaysia tidak ketinggalan dalam melalui proses pembaharuan yang sama apabila Malaysia mula menggubal dan menguatkuasakan Undang-undang Keluarga Islamnya pada awal tahun 1980an. Undang-undang Keluarga Islam ini terpakai bagi orang Islam sahaja dalam hal yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, perkara yang berbangkit dari keduanya dan lain-lain yang berkaitan dengan kehidupan keluarga. Undang-undang Keluarga Islam ini adalah dalam bidangkuasa setiap negeri. Ini bermakna bahawa setiap negeri mempunyai Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai kepada orang-orang Islam yang bermastautin di dalam negeri tersebut.

Setelah hampir 30 tahun penggubalan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, banyak isu-isu perundangan dan pelaksanaan yang perlu ditangani. Fasa pertama penggubalan menfokuskan kepada penggubalan satu Undang-undang Keluarga yang komprehensif jika dibandingkan dengan peruntukan kekeluargaan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam yang digubal sekitar tahun 1950an. Banyak pihak menyambut baik pembaharuan undang-undang keluarga Islam ini kerana banyak perkara dan masalah yang berkaitan dengan wanita dan kekeluargaan dapat diselesaikan. Dalam hal ini Mehrun Siraj menyebut "The most significant development in relation to Shariah has been the removal of the Family Law provision from the Administration of Muslim Law Enactment and their inclusion in their specifically enacted Enactments". (Mehrun Siraj, 1994). Bagi wanita, Undang-undang Keluarga Islam ini telah memperuntukkan banyak hak-hak untuk mereka. Antaranya terdapat peruntukan seperti pendaftaran perkahwinan dan perceraian, had umur minimum perkahwinan, urusan perkahwinan poligami diperkemaskan untuk mengelakkan dari berlaku penganiayaan terutama kepada wanita, dan juga peruntukan yang terperinci mengenai hak-hak wanita selepas diceraikan seperti hak untuk mendapat nafkah iddah, nafkah tertunggak, mut'ah dan harta sepencarian.

Fasa kedua disekitar akhir tahun 1990an, Undang-undang Keluarga Islam dilihat banyak kelemahannya dari segi pelaksanaan dan Mahkamah Syariah juga turut dikecam kerana gagal berfungsi dengan sebaiknya dalam membela wanita yang teraniaya. Isu-isu seperti penangguhan kes di mahkamah syariah, ketidakseragaman peruntukan undang-undang, wanita tidak terbela dalam usaha mereka menuntut hak-hak mereka di mahkamah syariah dan mahkamah yang gender bias adalah antara isu-isu yang diketengahkan oleh masyarakat khususnya NGO wanita. Oleh yang demikian di awal tahun 2000an, usaha untuk memperbaiki pentadbiran Mahkamah syariah sebagai mahkamah yang melaksanakan Undang-undang Keluarga Islam telah dilakukan. Undang-undang keluarga Islam telah disemak semula ke arah keseragaman dan mengambil kira aspek kesetaraan gender. Oleh yang demikian disekitar awal 2000an, Undang-undang Keluarga Islam memasuki fasa ketiga di mana, isu-isu "gender equality" menjadi fokus dalam peruntukan undang-udangnya dan juga dari segi pelaksanaan. Walaupun banyak usaha telah diambil untuk memperkemaskan undang-undang Keluarga Islam dengan meminda peruntukan-peruntukan tertentu serta memperbaiki pentadbiran Mahkamah Syariah, namun masih isu-isu kekeluargaan yang dihadapi oleh wania masih berterusan. Ini dapat dilihat dalam isu-isu seperti permohonan perceraian dan juga tuntutan selepas perceraian.

#### **WANITA ISLAM DAN PERCERAIAN : SENARIO MASA KINI**

Walaupun undang-undang Islam tidak menggalakkan perceraian, namun ianya adalah dibenarkan dalam Islam. Perceraian dibolehkan apabila keadaan rumah tangga pasangan yang bermasalah tidak mampu

bertahan atas sebab-sebab yang bertepatan dengan syarak. Wanita turut sama seperti lelaki dalam memiliki hak-hak selepas perceraian.

Pada Zaman Jahiliah, wanita diletakkan pada kedudukan yang amat rendah dalam kalangan masyarakat. Golongan wanita dianggap hina, tidak mempunyai hak dan kedudukan, tidak boleh memiliki harta dan tidak boleh mewarisi harta dari kedua orang tuanya. Kedudukan wanita tidak terbela dan tidak diberi hak sewajarnya serta nilai dan maruah wanita dianggap rendah (Che Zarina dan Joni Tamkin, 2006). Kedatangan Islam telah mengangkat martabat wanita dengan memberikan kedudukan serta hak-hak yang sewajarnya terhadap wanita.

Namun begitu, tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan tetapi masih banyak berlaku keadaan di mana hak-hak wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Ini disebabkan oleh kurangnya kesedaran dalam kalangan wanita berhubung peruntukan hak mereka selepas bercerai (Raihanah dan Soraya, 2009). Hal demikian selari dengan pandangan Masnon (2001) dan Noor Aziah (2011) bahawa secara umumnya wanita hari ini masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang.

## **WANITA ISLAM DAN PERCERAIAN: SATU FENOMENA**

### **Mengetahui Hak-Hak Wanita**

Wanita Muslim boleh melindungi diri mereka dari diperlakukan sesuka hati oleh suami dengan mendapatkan perceraian berdasarkan syarat-syarat tertentu. Salah satu bentuk perceraian yang disebut dalam Islam dan boleh dituntut oleh para wanita menurut al-Quran dan al-Sunnah adalah khulu' (Khir, 2006). Perceraian wanita Islam di Barat, meskipun berada pada golongan minoriti, dapat memberikan jalan keluar bagi wanita yang mengalami masalah dalam rumah tangga sekaligus tetap memiliki hak-hak selepas perceraian. Menurut Miller (2009), wanita Islam mempunyai hak-hak yang sama seperti wanita Amerika dalam isu perceraian. Mahkamah Amerika membahagikan harta bagi wanita yang bercerai sama seperti mana undang-undang Islam membahagikan hak pemilikan harta ke atas wanita. Domingo (2005) mendapati, draf Rang Undang-Undang Perkahwinan di Afrika Selatan banyak memberi kesan positif kepada wanita Islam dalam agenda perkahwinan dan perceraian menurut perundangan Islam. Peluang dan cabaran wanita Islam dan mendapatkan hak-hak mereka semakin bersinar.

Di Malaysia pula, Mahmood Zuhdi dan Raihanah Azahari (1989), Raihanah Abdullah (1993) dan Ahmad Ibrahim (1999) telah menghuraikan secara terperinci tentang hak-hak wanita dalam penulisan mereka. Keperluan asas sesebuah perkahwinan telah dibincangkan dengan teliti bermula dengan pertunangan, perkahwinan, pembubaran perkahwinan dan perkara berbangkit daripada kesan perceraian sama ada dalam hadanah, nafkah, pewarisan harta pusaka dan harta sepencarian. Raihanah, Patricia dan Wirdati (2010) telah mengupas sumbangan moral wanita yang turut diambil kira dalam menentukan hak dalam harta sepencarian selepas perceraian. Perbincangan berkisar tentang hak-hak wanita menurut perundangan Islam di Malaysia yang dilihat sebagai satu platform penting untuk mempertahankan kepentingan wanita dalam semua aspek.

Samihah (2000) dan Rus-Sanani (2005) pula turut membahaskan isu perceraian secara terperinci dengan memberi fokus kepada hak-hak wanita selepas bercerai menurut undang-undang keluarga Islam Kelantan 1983. Perbincangan secara teliti turut mengambil kira pelaksanaan berdasarkan hukum syarak dan undang-undang di samping kajian kes terhadap tuntutan hak-hak selepas bercerai yang difailkan.

### **Memahami Hak-Hak Wanita**

Azlina (2007), Khairawati (2001), Noreliyusnita (1998) dan Norhayati (1994) melalui kajian kes yang dilaksanakan telah membincangkan tentang kepentingan wanita dalam memahami hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan, Terengganu, Selangor dan Sarawak. Azlina (2007) menyatakan bahawa wanita berhak mengetahui dengan terperinci tentang hak-hak mereka untuk memudahkan wanita menyelesaikan masalah yang timbul dalam kehidupan. Kajian di Meru, Klang mendapati bahawa penduduk wanita yang terpilih merasa kesal apabila tidak dapat menjawab persoalan yang ditanya berkaitan hak-hak mereka (Noreliyusnita, 1998). Pemahaman yang cetek ini akan menyebabkan

wanita Islam ketinggalan dalam mendapat hak-hak yang sepatutnya dimiliki oleh mereka (Khairawati, 2001). Norhayati (1994) juga menekankan bahawa hak-hak wanita yang terdapat dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak perlu didedahkan kepada masyarakat di Bandar Kuching untuk memastikan peruntukan tersebut dapat diaplikasikan dengan jayanya.

### Menyedari Hak-Hak Wanita

Undang-undang keluarga Islam di tahun 1980-an didapati merupakan satu cara untuk menjelaskan hak-hak wanita Islam dalam perundangan. Penumpuan diberikan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 1983. Pengaruh politik yang dimiliki oleh wanita di Malaysia, ternyata membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keganasan rumah tangga, keganasan terhadap wanita sekaligus memperlihatkan betapa pentingnya hak-hak wanita untuk dijaga dan dipelihara (Siraj, 1994).

Perihal berkaitan kesedaran berhubung peruntukan hak wanita juga dapat dilihat dalam kajian Sarikhani (2009) yang mengkaji tahap kesedaran wanita terhadap hak-hak mereka dalam Islam. Kajian dijalankan ke atas 146 wanita Islam yang bekerja dalam sektor pejabat kerajaan di Mysore, India. Keputusan menunjukkan bahawa tahap kesedaran wanita yang bekerja adalah tahap sederhana, tetapi mereka tidak boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar mereka. Kajian Zainab dan Ali (2012) pula mengkaji berkaitan kesedaran wanita bekerja terhadap hak perkahwinan ke atas 100 orang wanita bekerja di Neiriz, Iran. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran hak perkahwinan dan faktor umur dan pendapatan. Manakala tidak terdapat hubungan signifikan di antara kesedaran hak perkahwinan dengan umur perkahwinan.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, kajian yang dilaksanakan ini merupakan nilai tambah dalam menekankan aspek pemahaman terhadap isu perceraian akan membawa kepada kesedaran berkaitan hak-hak wanita. Kajian tertumpu kepada tahap kesedaran wanita di Kota Bharu menurut peruntukan hak-hak mereka selepas bercerai di bawah enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Tahun 2002 Negeri Kelantan.



**Rajah 1: Pemetaan Literatur Kajian  
'Wanita Islam Dan Perceraian: Satu Kesedaran Dan Keperluan'**

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran hak-hak selepas bercerai dalam kalangan wanita di Kota Bharu, Kelantan. Secara khususnya, kajian ini turut menganalisis perbezaan tahap kesedaran wanita tentang hak selepas bercerai berdasarkan faktor umur, tahap pendidikan dan status.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Proses pengumpulan data adalah diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden secara rawak. Berdasarkan formula dan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) serta Sakaran (1992), populasi bagi kajian yang berjumlah 129,647 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), maka sampelnya adalah berjumlah 384 orang. Oleh itu, dalam kajian ini, sampel dipilih adalah seramai 384 orang wanita berumur 20 tahun ke atas di sekitar Kota Bharu secara rawak. Manakala proses penganalisan data pula adalah dengan menggunakan program pengisian SPSS (*Statistic Package For Sosial Science*). Secara umumnya, pengkaji

menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan item dalam soal selidik. Manakala untuk menentukan perbezaan antara tahap kesedaran wanita tentang peruntukan hak selepas bercerai dengan faktor demografi (umur, tahap pendidikan dan status perkahwinan), maka ujian Khi Kuasa Dua digunakan.


#### DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian akan dibincangkan dalam dua bentuk iaitu dapatan deskriptif yang menghuraikan berkaitan latar belakang responden dan item-item dalam soal selidik dan dapatan inferensi yang menghuraikan hubungan antara tahap kesedaran wanita dengan faktor demografi (umur, tahap pendidikan dan status perkahwinan). Ujian yang dilakukan adalah untuk menguji hipotesis-hipotesis yang berikut:

- H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur.
- H<sub>02</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut tahap pendidikan.
- H<sub>03</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai dengan status


#### Maklumat Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 384 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada golongan wanita berumur 20 tahun ke atas di Sekitar Kota Bharu. Rajah 1 menunjukkan taburan responden mengikut peringkat umur dan status. Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berumur antara 41-50 tahun (31%). Manakala responden yang berumur 61 tahun keatas paling sedikit (3.9%). Nilai tersebut adalah munasabah kerana kebanyakan wanita pada peringkat umur 41-50 berada di kampung halaman jika dibandingkan dengan peringkat umur yang lebih muda kebanyakannya berada di perantauan. Manakala peringkat umur 60 tahun keatas sukar untuk memberikan kerjasama berkemungkinan disebabkan masalah kesihatan. Berdasarkan status responden, kebanyakannya terdiri daripada yang sudah berkahwin (62.8%), diikuti golongan bujang (24.0%) dan berstatus janda (12.8%). Responden yang berstatus bujang berumur di antara 20 hingga 60 tahun, manakala yang sudah berkahwin dan berstatus janda berumur di antara 20 hingga 61 tahun ke atas. Responden yang bersatus bujang kebanyakannya berumur di antara 20 hingga 30 tahun. Responden yang sudah berkahwin pula kebanyakannya berumur di antara 51 hingga 50 tahun dan yang berstatus janda pula lebih ramai berumur 51-60 tahun.



**Rajah 2: Taburan Responden Berdasarkan Umur dan Status**

Rajah 2 dibawah merujuk kepada taraf pendidikan responden. Majoriti responden terdiri dari mereka yang berpendidikan SPM (40%). Manakala responden yang berpendidikan Ijazah Lanjutan adalah paling sedikit (1%). Responden yang berpendidikan Ijazah Sarjana Muda pula adalah kedua tertinggi (25%). seterusnya responden berpendidikan STAM/STPM/Diploma (17%) serta SRP/PMR (14%). Ini menunjukkan secara umumnya responden telah mendapat pendidikan yang sewajarnya dan dapat membaca, menulis serta memahami sesuatu perkara dengan baik.



**Rajah 3: Taraf Pendidikan Responden**

### Hubungan di antara Faktor Demografi dan Tahap Kesedaran Wanita Tentang Peruntukan Hak Selepas Berceraai.

Jadual 1 menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang diperolehi iaitu ( $\chi^2=17.059^a$ ,  $df=8$ ,  $p>.05$ ) yang menunjukkan hipotesis N0l ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran wanita tentang hak-hak selepas bercerai mengikut peringkat umur. Berdasarkan keputusan ujian ini menunjukkan faktor umur boleh mempengaruhi tahap kesedaran wanita terhadap hak-hak selepas bercerai.

**Jadual 1: Hubungan Antara Umur Dan Tahap Kesedaran Tentang Hak-Hak Selepas Berceraai ( $H_{01}$ )**

			Kesedaran Tentang Hak-hak Selepas Berceraai			Total
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Umur 20-30 tahun	Count	37	21	41	99	
	Expected Count	46.8	17.6	34.6	99.0	
	Std. Residual	-1.4	.8	1.1		
31-40 tahun	Count	38	12	30	80	
	Expected Count	37.8	14.2	28.0	80.0	
	Std. Residual	.0	-.6	.4		
41-50 tahun	Count	61	14	44	119	
	Expected Count	56.2	21.1	41.6	119.0	
	Std. Residual	.6	-1.6	.4		
51-60 tahun	Count	38	15	17	70	
	Expected Count	33.1	12.4	24.5	70.0	
	Std. Residual	.9	.7	-1.5		
61 tahun ke atas	Count	7	6	2	15	
	Expected Count	7.1	2.7	5.2	15.0	
	Std. Residual	.0	2.0	-1.4		
Total	Count	181	68	134	383	
	Expected Count	181.0	68.0	134.0	383.0	

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	17.059 <sup>a</sup>	8	.029
Likelihood Ratio	17.174	8	.028
Linear-by-Linear Association	6.592	1	.010
N of Valid Cases	383		

Jadual 2 dibawah menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang diperolehi iaitu ( $\chi^2=25.626^a$ ,  $df=10$ ,  $p>.05$ ) yang menunjukkan hipotesis N0l ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran wanita tentang hak-hak selepas bercerai berdasarkan taraf pendidikan

responden. Berdasarkan keputusan ujian ini menunjukkan faktor taraf pendidikan responden boleh mempengaruhi tahap kesedaran wanita terhadap hak-hak selepas bercerai.

**Jadual 2: Hubungan Antara Taraf Pendidikan Dan Tahap Kesedaran Tentang Hak Hak Selepas Bercerai ( $H_{02}$ )**

			Kesedaran Tentang Hak-hak Selepas Bercerai			Total
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Taraf Pendidikan Tertinggi	UPSR	Count	4	3	5	12
		Expected Count	5.7	2.1	4.2	12.0
		Std. Residual	-.7	.6	.4	
	SRP/PMR	Count	28	18	9	55
		Expected Count	26.1	9.8	19.1	55.0
		Std. Residual	.4	2.6	-2.3	
	SPM	Count	61	30	61	152
		Expected Count	72.0	27.2	52.8	152.0
		Std. Residual	-1.3	.5	1.1	
	STAM/STPM/Diploma	Count	31	6	26	63
		Expected Count	29.8	11.3	21.9	63.0
		Std. Residual	.2	-1.6	.9	
	Ijazah Sarjana Muda	Count	52	11	30	93
		Expected Count	44.1	16.6	32.3	93.0
		Std. Residual	1.2	-1.4	-.4	
	Ijazah Lanjutan	Count	4	0	1	5
		Expected Count	2.4	.9	1.7	5.0
		Std. Residual	1.1	-.9	-.6	
Jumlah	Count	180	68	132	380	
	Expected Count	180.0	68.0	132.0	380.0	

Chi-Square Tests			
	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	25.626 <sup>a</sup>	10	.004
Likelihood Ratio	27.039	10	.003
Linear-by-Linear Association	.781	1	.377
N of Valid Cases	380		

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian signifikan Khi Kuasa Dua yang diperolehi iaitu ( $X^2=4.865^a$ ,  $df=4$ ,  $p>.05$ ) yang menunjukkan hipotesis N0l diterima. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran wanita tentang hak-hak selepas bercerai berdasarkan faktor status perkahwinan. Berdasarkan keputusan ujian ini menunjukkan faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi tahap kesedaran wanita terhadap hak-hak selepas bercerai.



**Jadual 3: Hubungan Antara Status Perkahwinan Dan Tahap Kesedaran Tentang Hak-Hak Selepas Bercerai (H<sub>03</sub>)**

			Kesedaran Tentang Hak-hak Selepas Bercerai			Total
			Ya	Tidak	Tidak pasti	
Status	Bujang	Count	36	20	36	92
		Expected Count	43.6	16.4	32.0	92.0
		Std. Residual	-1.1	.9	.7	
	Berkahwin	Count	119	38	84	241
		Expected Count	114.2	42.9	83.9	241.0
		Std. Residual	.5	-.7	.0	
	Janda	Count	26	10	13	49
		Expected Count	23.2	8.7	17.1	49.0
		Std. Residual	.6	.4	-1.0	
Total	Count	181	68	133	382	
	Expected Count	181.0	68.0	133.0	382.0	

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	4.865 <sup>a</sup>	4	.301
Likelihood Ratio	4.962	4	.291
Linear-by-Linear Association	3.077	1	.079
N of Valid Cases	382		

**Tahap Aksesibiliti Maklumat Terhadap Undang-undang Keluarga Islam Berkaitan Hak-hak Wanita Selepas Bercerai**

Jadual 4 merujuk kepada penyertaan responden dalam seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak wanita. Data menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah menyertainya (57.0%), diikuti yang pernah menyertainya (12.2%), dan (5.7%) tidak pasti akan perihal tersebut.

**Jadual 4: Penyertaan Responden Dalam Seminar, Ceramah Atau Kursus Berkaitan Hak-Hak Wanita Selepas Bercerai**

Bil.	N	F	%
1.	Pernah	47	12.2
2.	Tidak Pernah	314	81.8
3.	Tidak pasti	22	5.7
	Missing	1	.3
	<b>Jumlah</b>	<b>384</b>	<b>100</b>

Jadual 5 dibawah menunjukkan sumber yang menjadi rujukan responden untuk mendapatkan maklumat berkaitan undang-undang keluarga Islam. Data menunjukkan bahawa media cetak merupakan

sumber utama (34.9%) manakala sumber rujukan yang paling sedikit digunakan ialah melalui NGO (3.1%). Sumber kedua tertinggi ialah melalui Jabatan Agama Islam (22.9%) diikuti oleh guru agama (14.1%), media elektronik (9.45%), peguam syarie (4.9%), imam masjid (4.7%), serta sahabat dan keluarga (4.2%).

**Jadual 5: Sumber Rujukan Wanita Tentang Hak-Hak Selepas Bercerai.**

Bil.	N	F	%
1.	Media cetak	134	34.9
2.	Media elektronik	36	9.4
3.	Guru agama	54	14.1
4.	Imam Masjid	18	4.7
5.	Peguam Syarie	19	4.9
6.	Jabatan Agama Islam	88	22.9
7.	NGO	12	3.1
8.	Sahabat/keluarga	16	4.2
	<i>Missing</i>	7	1.8
	<b>Jumlah</b>	<b>384</b>	<b>100</b>

Jadual 6 pula menunjukkan perihal berkaitan keperluan wanita terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak mereka selepas bercerai. Majoriti responden memerlukan penerangan lanjut berkaitan hak-hak selepas bercerai (88%), Hanya sebahagian kecil daripada responden tidak memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai (3,9%) dan (7.8%) tidak pasti terhadap perkara tersebut.

**Jadual 6: Keperluan Wanita Terhadap Penerangan Lanjut Berhubung Hak-Hak Wanita Selepas Bercerai**

Bil.	N	F	%
1.	Ya	338	88.0
2.	Tidak	15	3.9
3.	Tidak pasti	30	7.8
	<i>Missing</i>	1	.3
	<b>Jumlah</b>	<b>384</b>	<b>100</b>

## PERBINCANGAN

Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur dan tahap pendidikan. Ini adalah berikutan pengalaman hidup mengikut umur yang berbeza serta tahap pendidikan yang berlainan menjadikan wanita tidak bersependapat dalam memahami peruntukan hak selepas perceraian. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kesedaran wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti wanita tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai sedangkan penyebaran maklumat berhubung perceraian adalah satu keperluan bagi para wanita agar dapat memberikan hak yang sepatutnya kepada wanita. Selain itu juga, didapati sumber utama yang menjadi rujukan wanita berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai adalah melalui media cetak, Jabatan Agama Islam, guru agama dan media elektronik. Sumber-sumber ini didapati menjadi teman rapat kaum wanita. Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan wanita masih memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai.

Justeru, dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita adalah dicadangkan agar Jabatan-Jabatan Kerajaan mahupun Badan Bukan Kerajaan memperbanyakkan program seminar, ceramah serta kursus berkaitan hak-hak selepas bercerai di semua peringkat agar kesedaran diperolehi oleh semua wanita di setiap lapisan masyarakat dapat dijadikan bekalan dalam menghadapi alam rumahtangga. Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah negeri telah mengadakan program Mahabbah yang telah dijalankan sejak tahun 2006. Program ini telah dijalankan hampir

di seluruh negeri di Malaysia dan ia mendapat sambutan yang positif dari masyarakat setempat untuk mengetahui lebih mendalam tentang isu-isu perundangan syariah. Program pendidikan Mahkamah dan hak-hak wanita ini merupakan satu platform kepada JKSM untuk mendekati masyarakat dan berinteraksi secara langsung dalam isu-isu berkaitan dengan perundangan syariah dan mahkamah. Ini termasuklah memberi kesedaran dan pengetahuan kepada orang ramai tentang prosedur Mahkamah Syariah terutama dari segi persiapan untuk penfaihan dan perbicaraan, hak-hak mereka semasa perkahwinan dan selepas perceraian. (Raihanah Abdullah, 2009).

Pengajaran berkaitan hak-hak wanita muslim juga perlu dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Pendekatan pedagogi melalui pendidikan merupakan satu saluran yang berkesan dalam menyalurkan maklumat berkaitan hak-hak wanita Muslim kepada para pelajar (Sharifah Nooraida dan Raihanah, 2014). Guru turut mampu membantu untuk menyalurkan maklumat berkaitan hak-hak wanita muslim di samping penyaluran maklumat yang disalurkan melalui organisasi yang lain.

Melalui program celik Undang-undang samada yang dijalankan oleh pihak kerajaan mahupun NGO, isu-isu seperti wanita tidak tahu hak apabila berlaku perceraian, kritikan terhadap mahkamah kerana berlaku ketidakadilan dalam proses perbicaraan dan bias terhadap wanita, sedikit sebanyak dapat diselesaikan. Kritikan yang dibuat selalunya menampakkan seolah-olah Mahkamah Syariah banyak kelemahannya. Zaleha (1999) mendapati, antara teguran dan kritikan yang sering dipaparkan dalam media massa adalah Mahkamah Syariah tidak cekap dalam pengendalian pentadbiran keadilannya, personel Mahkamah yang tidak profesional, banyak kes-kes tertangguh dan juga bias terhadap pelanggan utamanya iaitu "wanita" seperti "*Bias against women must stop - Shariah court continued to treat women unfairly and often made decisions in favor of men, mainly because of the chauvinistic attitudes of the officers*" (New Straits Times, 1996). Akibatnya masyarakat yang tidak terlibat dengan Mahkamah Syariah pun akan merasa marah dengan situasi ini sehinggakan mereka kadangkala terikut-ikut untuk mengkritik Mahkamah Syariah (Utusan Malaysia, 2002).

## KESIMPULAN

Malaysia mempunyai dua sistem Undang-undang Kekeluargaan. Enakmen Undang-undang keluarga Islam yang dilaksanakan di setiap negeri terpakai untuk orang-orang Islam dan Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah terpakai bagi orang-orang bukan Islam. Sejak Undang-undang keluarga Islam ini diperkenalkan banyak masalah berbangkit dari pelaksanaan undang-undang ini. Wanita adalah golongan yang terkesan dari pelaksanaan undang-undang ini. Ini adalah disebabkan banyak hak-hak wanita telah diperuntukkan dalam Undang-undang ini dan mereka juga merupakan "*client*" utama di Mahkamah Syariah. Malangnya disebabkan oleh kurang maklumat, kurang pengetahuan dan kurang kesedaran terhadap prosedur dan hak-hak mereka, menyebabkan ramai yang merasakan diri mereka teraniaya akibat dari pelaksanaan undang-undang ini. Keupayaan wanita Islam dalam menyedari hak-hak selepas bercerai berkait rapat dengan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap hak-hak yang seharusnya dimiliki. Kesedaran wanita merupakan satu keperluan dalam mendapatkan hak yang sewajarnya ke atas mereka. Wanita perlu dididik supaya mereka celik undang-undang terutama mengenai hak-hak mereka bagi mengelakkan diri mereka teraniaya.

## RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Anderson, J.N.D., (1971). Modern Trends in Islam: Legal Reform and Modernization in the Middle East. *International and Comparative Law Quarterly*, 20: 1-21
- Azlina Mohamad Nor. (2007). *Pemahaman Wanita Terhadap Hak-Hak Mereka Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1948: Kajian di Jabatan Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

- Che Zarina Sa'ari & Joni Tamkin Borhan. (2006). Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, 36-40.
- Domingo, W. A. (2005). Marriage and divorce: opportunities and challenges facing South African Muslim women with the recognition of Muslim Personal Law. *Agenda*, 68-77.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Khairawati Suraya Kamaruddin. (2001). *Pemahaman Wanita Tentang Hak-Haknya Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Terengganu*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Khair, B. (2006). The Right of Women to No-Fault Divorce in Islam And Its Application By British Muslims. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 17(3), 295-306.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities, *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608-619.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari. (1989). *Undang-Undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Malaysia: Percetakan FS Sdn. Bhd.
- Masnon Hj. Ibrahim. (2001). *Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Noor Aziah Haji Mohd Awal. (2011). *Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-Undang di Malaysia*. Di capai pada 27 Jan, 2011 daripada [www.ukm.my/hadhari/sites](http://www.ukm.my/hadhari/sites).
- Noreliyusnita Mohd Osman. (1998). *Hak-Hak Wanita di Bawah Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Kajian Dari Sudut Pemahaman Wanita Islam di Meru, Klang, Selangor Darul Ehsan*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Norhayati Hashmi. (1994). *Hak Dan Perlindungan Wanita Dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 1991: Kajian Mengenai Pemahaman Wanita Islam di Kuching, Sarawak*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Portuán Miller, K. A. (2009). Who Says Muslim Women Don't Have the Right to Divorce? A Comparison Between Anglo-American Law and Islamic Law. *New York International Law Review*, 22, 201-248.
- Raihanah Abdullah. (1993). Peruntukan Kewangan Bagi Wanita Islam Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. *Jurnal Syariah*, 1(2), 209-222.
- Raihanah Abdullah. (2001). Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah. Dalam Raihanah Abdullah (ed) *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers.
- Raihanah Abdullah. (2009). Penangguhan Kes di Mahkamah syariah: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*, 17(1), 1-29.
- Raihanah Abdullah, Patricia Martinez & Wirdati Mohd. Radzi. (2010). Islam and Adat. *Indonesia and The Malay World*, 38(111), 161-180.
- Raihanah Abdullah & Soraya Khairuddin. (2009). The Implementation of Islamic Family Law: Polygamy and Dissolution of Marriage. *Asian Women*, 25(1), 33-54.

- Rus-sunani Hassan. (2005). *Hak-Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri Kelantan*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Sakaran, U. (1992). *Research Methods For Business: A Skill - Building Approach*. New York: Wiley & Sons Inc.
- Samihah Hj. Abdul Rahman. (2000). *Hak-hak Wanita Selepas Perceraian Mengikut Hukum Syarak*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarikhani, N. (2009). Level of Awareness of Muslim Working Woman Toward Their Right in Islam: A Case Study in Government Offices in Mysore. *Journal of Science*, 18(3), 163-171.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan & Raihanah Abdullah. (2014). Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru Di Sarawak. *Online Journal Of Islamic Education*, 2(1), 65-75.
- Siraj, M. (1994). Women And The Law: Significant Developments In Malaysia. *Law Society Review*, 28, 561–572.
- Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati. (2012). Investigating The Employed Married Woman's Awareness Level of Marriage Rights: Case Study in Neiriz, Iran. *Journal of Asian Social Science*, 8, 172-176.
- Zaleha Kamarudin. (1999). Delays in Disposition of Matrimonial Cases in the Shariah Courts in Malaysia (1990-1997). *IJUM Law Journal*, 7(1): 98.
- New Straits Times, "Syariah Court officers need more exposure, say anwar, Bias againt women must stop", 26 Ogos 1996.
- Utusan Malaysia, "Kelemahan Institusi Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor Dikaji", 14 September 2002.

#### PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Geran Penyelidikan RG242-11HNE dan Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP)-Projek No:PG076-2013B, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia kerana telah membiayai sebahagian daripada penyelidikan ini.